



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies  
(IJWCPS)  
Universiti Sains Malaysia  
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>  
e-ISSN: 3030-5071  
Volume 1. Sept 2024: 26-41

Submission date: 19/07/2024 Accepted date: 03/08/2024 Published date: 01/09/2024

**Daripada Falsafah Liberalisme kepada Pascamodenisme:  
Kajian Awal Peralihan Falsafah di Malaysia**  
*(From Liberalism to Postmodernism: A Preliminary Study of  
Philosophical Shifts in Malaysia)*

**Ibrahim Majdi Mohamad Kamil\***

Universiti Sains Malaysia

\*Corresponding author: [ibrahimmajdi@usm.my](mailto:ibrahimmajdi@usm.my)

**Abstrak**

Artikel ini memfokuskan kesinambungan falsafah modenisme yang bertunjangkan liberalisme moden kepada falsafah pascamodenisme yang dilihat semakin berkembang dalam dunia Timur termasuk di Malaysia. Falsafah modenisme berkembang di Barat pada era *renaissance* yang kemudiannya diaplikasikan kepada negara-negara yang dijajah termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, sebahagian ahli falsafah Barat menganggap bahawa falsafah liberalisme tidak lagi relevan. Sebagai respons, wujud falsafah pascamodenisme iaitu sebuah falsafah yang timbul sebagai respons terhadap falsafah liberalisme. Pascamodenisme bermula sebagai sebuah gerakan di Barat pada tahun 1940-an tetapi hanya mula dikembangkan sebagai falsafah pada tahun 1970-an oleh tokoh seperti Lyotard dan Foucault. Pascamodenisme menekankan pemikiran yang memfokuskan kepada isu kebenaran mutlak. Artikel ini akan membincangkan sejarah perkembangan pascamodenisme dan perkembangannya dalam negara Timur khususnya di Malaysia serta kesinambungan dengan falsafah sebelumnya iaitu liberalisme yang berkembang pada era modenisme.

**Kata Kunci:** liberalisme; pascamodenisme; falsafah; respons.

## Abstract

This article focuses on the continuity of modernist philosophy, rooted in modern liberalism, to postmodernist philosophy, which is increasingly gaining traction in the Eastern world, including Malaysia. Modernist philosophy, which flourished in the West during the Renaissance, was subsequently applied to colonized countries, including Malaysia. However, some Western philosophers have deemed liberal philosophy no longer relevant. In response, postmodernist philosophy emerged as a critique of liberal philosophy. Postmodernism began as a movement in the West in the 1940s but only developed into a full-fledged philosophy in the 1970s by figures such as Lyotard and Foucault. Postmodernism emphasizes a mode of thought that challenges the notion of absolute truth. This article will discuss the historical development of postmodernism, its evolution in Eastern countries, particularly in Malaysia, and its continuity with the preceding philosophy of liberalism that thrived during the modernist era.

**Keywords:** liberalism; postmodernism; philosophy; response.

## Pengenalan

Pascamodenisme adalah satu bentuk falsafah baharu yang semakin berkembang dalam dunia Timur. Di Barat, falsafah bermula lebih awal iaitu pada tahun 1940an tetapi hanya memfokuskan terhadap aspek tertentu sahaja seperti seni, sastera dan reka bentuk. Walaubagaimanapun, pascamodenisme mula berkembang dalam bentuk falsafah apabila ahli falsafah seperti Lyotard, Foucault dan Deridda mendefinisikan pascamodenisme dalam aspek yang lebih holistik iaitu merangkumi semua aspek dalam kehidupan. Ini juga sebagai respons kepada falsafah liberalisme yang tidak lagi dirasakan sesuai dalam pada masa kini. Sebelum perbincangan lanjut berkenaan isu ini, artikel ini merasakan perlu dijelaskan asas falsafah liberalisme yang menyebabkan respons daripada kelompok pascamodenisme. Artikel ini akan menjelaskan sorotan awal berkenaan perkembangan falsafah pascamodenisme khususnya di Malaysia.

## **Falsafah Liberalisme**

Liberalisme di definisikan sebagai satu bentuk falsafah dengan meletakkan kebebasan individu sebagai nilai politik yang tertinggi (Coady, 1995). Pengertian liberalisme dilihat begitu luas. Liberalisme telah dibincangkan dalam pelbagai aspek seperti pemikiran, ideologi, tindakan, individu mahupun sebagai sebuah gerakan sosial. Definisi yang mengaitkan liberalisme dengan nilai politik ini dibawa oleh seorang sarjana barat, iaitu Von Moses (2015) dengan menyatakan bahawa liberalisme ialah satu gerakan politik di mana matlamat utamanya untuk meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup setiap kelompok masyarakat. Bermula dari sebuah gerakan politik, liberalisme berkembang menjadi sebuah falsafah dan ideologi baharu sehingga membawa kepada pelbagai aspek dalam liberalisme.

Artikel ini mendapati bahawa di Malaysia telah banyak kajian yang telah memberi pelbagai definisi kepada konsep liberalisme. Artikel ini merujuk definisi oleh pengkaji tempatan oleh kerana kearifan tempatan mereka berbanding pengkaji luar yang mungkin situasinya berbeza. Salah satu definisi liberalisme dari kajian tempatan mengenai liberalisme yang mengatakan liberalisme adalah satu bentuk ideologi, yang menekankan kepentingan hak individu, persamaan, dan menjunjung tinggi rasional akal manusia dan manusia sebagai makhluk berpolitik (Mohamad Kamil et al., 2012).

Liberalisme merupakan suatu bentuk ideologi ataupun merupakan satu pemikiran kelompok masyarakat yang menggunakan fungsi akal dalam menekankan mengenai kebebasan dan kesaksamaan di dalam kelompok masyarakat. Ideologi atau pemikiran ini turut bergerak dan berkembang dalam bentuk gerakan sosial yang menekankan aspek politik. Tujuan utama gerakan liberalisme ini terlibat dalam gerakan politik untuk mendapatkan kuasa bagi mencapai matlamat sepunya mereka seterusnya dapat mempengaruhi masyarakat.

Liberalisme sering dikaitkan dengan perkembangan falsafah modenisme. Walaubagaimanapun, telah wujud satu respons terhadap pendekatan liberalisme oleh sekelompok ahli falsafah Barat yang merasakan bahawa falsafah, ideologi, mahupun aspek liberalisme tidak lagi relevan pada masa

kini. Mereka mendakwa bahawa dunia perlu bertumpu kepada era yang dipanggil sebagai pascamodenisme.

### **Falsafah Pascamodenisme**

Falsafah pascamodenisme adalah sebuah falsafah baharu yang turut muncul di barat. Falsafah yang wujud ini merupakan falsafah yang lebih baharu di barat yang mendakwa bahawa falsafah modenisme di barat tidak lagi relevan pada masa kini. Di Malaysia, pascamodenisme pada peringkat awal lebih banyak dibincangkan dalam bidang seni bina, sastera, dan seumpamanya berbanding sebuah bentuk falsafah, pemikiran atau ideologi.

Artikel ini memfokuskan kepada pascamodenisme dari sudut falsafah. Kelompok pascamodenisme berjaya mempengaruhi gerakan dan tindakan sosial yang dipengaruhi oleh falsafah pascamodenisme. Bagi memahami falsafah pascamodenisme, artikel ini akan memberi beberapa definisi umum dan khusus mengenai falsafah pascamodenisme. Apabila membincangkan definisi pascamodenisme, perkataan ‘pasca’ merujuk kepada selepas atau sesudah. Malah, dari carian dalam kamus dewan, perkataan pascamodenisme belum diwujudkan terma tersebut. Mengenai terma pascamodenisme, ramai penyelidik yang bersetuju bahawa terma ‘pascamodenisme’ itu mula diperkenalkan sejak abad ke 19. Walaubagaimanapun, kemudiannya terma tersebut telah dipopularkan oleh Jean-Francois Lyotard menerusi penulisan beliau dalam kamus falsafah pada tahun 1979.

Lyotard mempopularkan terma ‘pascamodenisme’ apabila beliau menulis sebuah karya popularnya iaitu “*The Postmodern Condition*” (Viedrynaitis, 2013). Oleh yang demikian, pascamodenisme ini secara literalnya adalah ‘selepas’ modenisme. Malah, ada juga pengkaji yang mengaitkan atau menggunakan terma yang serupa dengan pascamodenisme. Terma yang digunakan ada disebut dengan nama konsep-konsep yang lain seperti ‘pasca kolonial’ dan masyarakat ‘pasca industri’.

Masyarakat pasca industri sebagai contoh diberi definisi iaitu merupakan masyarakat selepas zaman perindustrian di mana masyarakat dicirikan dengan lebih mementingkan perkhidmatan berbanding barangan, kerja-

kerja profesional dan teknikal lebih penting berbanding pekerja kolar biru dan adanya teknologi baru yang berasaskan intelektual (Ritzer, 2003). Pekerja kolar biru merujuk kepada pekerja-pekerja rendah sama ada yang mempunyai kemahiran atau tidak dan mereka juga dirujuk sebagai golongan bawahan atau buruh dalam pekerjaan. Ini adalah amalan dan budaya baharu dalam masyarakat pasca kolonial.

Secara umumnya, pascamodenisme ini merujuk kepada era selepas era moden yang dimulakan sejak zaman pencerahan di barat. Di barat, telah berlaku gerakan oleh tokoh-tokoh falsafah barat yang menolak falsafah modenisme yang bertunjangkan falsafah liberalisme dan mendakwa bahawa ideologi liberalisme tidak lagi relevan pada masa kini. Walaubagaimanapun, apabila muncul falsafah pascamodenisme, ideologi sedia ada sebelum ini seperti liberalisme, sekularisme dan feminisme tidak ditolak tetapi ideologi-ideologi sedia ada ini ada yang turut dipengaruhi oleh falsafah pascamodenisme.

Falsafah pascamodenisme pada peringkat awal lebih banyak bertumpu kepada beberapa bidang-bidang yang tertentu seperti bidang sastera, seni, seni bina, filem, muzik mahupun falsafah. Walaubagaimanapun, lama-kelamaan, falsafah pascamodenisme ini turut berkembang dalam pelbagai bentuk bidang termasuk politik, budaya dan falsafah yang kemudiannya menjadi tindakan ataupun amalan (Ria Farhan, 2019). Kebanyakan definisi atau istilah pascamodenisme ini bermula dengan bidang-bidang yang disebutkan.

Dari sudut falsafah, pascamodenisme diberi maksud sebagai sebuah istilah yang cuba menekankan dan menggalakkan pluraliti, kepelbagaian, dan relatifnya menggalakkan supaya para intelektual untuk mempromosikan konstruksi pemikiran yang lebih luas dan tidak lagi berpandu kepada pemikiran atau falsafah yang sedia ada sahaja (Scott & Marshall, 2009). Inilah antara falsafah pascamodenisme yang kini dilihat semakin banyak mempengaruhi masyarakat di Barat dan kemudiannya turut berkembang kepada masyarakat Timur termasuk masyarakat Malaysia pada masa kini. Falsafah pascamodenisme juga tidak jelas seperti falsafah liberalisme menyebabkan pascamodenisme kurang dibincangkan dalam masyarakat. Bagi melihat perbezaan antara falsafah liberalisme dan pascamodenisme,

artikel ini berpendapat perlunya ada kaedah perbandingan antara kedua-dua falsafah ini.

### **Perkembangan Falsafah Liberalisme di Barat**

Liberalisme secara umumnya merupakan suatu falsafah atau kepercayaan yang meletakkan kebebasan individu sebagai nilai politik yang paling tinggi (Mohamad Kamil et al., 2011). Liberalisme adalah sebuah falsafah yang lahir dari era *renaissance* iaitu kelompok masyarakat yang memperjuangkan kebebasan diri dari cengkaman kuasa tradisi iaitu kuasa gereja. Ideologi liberalisme telah bermula di barat dan falsafah liberalisme telah melahirkan tokoh-tokoh falsafah liberalisme seperti John Locke (1634-1704), Immanuel Kant (1724-1804) dan Adam Smith (1723-1790) (Mohamad Kamil et al., 2011). Definisi yang diberikan ini merujuk kepada konsep liberalisme awal yang belum dipengaruhi oleh mana-mana pengaruh falsafah lain.

Kajian oleh Abdul Rahman Abdullah (1998) pula menyatakan bahawa liberalisme merupakan satu bentuk aliran pemikiran baharu selepas pemikiran tradisional, moden, dan reformis. Manakala bagi Shamsul Amri Baharuddin (2007) pula memfokuskan kepada kemasukan ideologi liberalisme di Malaysia dengan menyatakan bahawa liberalisme adalah proses dari pihak barat untuk melawan masyarakat Malaysia sama ada secara fizikal mahupun epistemologi. Tambahan lagi, kumpulan aliran liberalisme ini memahami wahyu berdasarkan paradigma liberalisme. Ini antara sikap keterlaluan pendukung pemikiran liberalisme sehingga berlaku salah faham dan salah tafsir terhadap mesej wahyu secara khusus dan kehendak agama secara am (Wan Adli, 2014). Salah satu tujuan falsafah liberalisme juga untuk menafsirkan wahyu dengan paradigma liberalisme.

Dari kajian-kajian lepas yang dinyatakan, falsafah liberalisme khususnya dalam amalan keagamaan boleh disimpulkan dengan sesuatu yang lebih banyak keburukan dari kebaikannya terutama dalam konteks masyarakat Melayu dan muslim di Malaysia. Daripada kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa falsafah liberalisme adalah sebagai satu respons terhadap aliran tradisional dan konservatif yang mempengaruhi sebahagian besar masyarakat.

Menurut Roff (1967), Liberalisme merupakan satu konsep yang luas. Antara unsur-unsur liberalisme adalah seperti sekularisme, kebebasan mutlak, individualisme, demokrasi liberal, rasionalisme, feminisme, humanisme, pragmatisme, dan pluralisme. Roff menambah bahawa gerakan liberalisme sering menggunakan slogan-slogan yang dilihat dapat menarik minat masyarakat semasa. Gerakan liberalisme sering mendakwa bahawa gerakan liberalisme penting dalam mendepani cabaran daripada barat, modenisasi, globalisasi, teknologi maklumat dan cabaran luaran.

Falsafah liberalisme muncul pada abad yang ke-14 dan mempengaruhi revolusi yang berlaku di Eropah. Bermula dari sebuah falsafah politik, berkembang kepada falsafah ekonomi, kemudiannya sosial yang banyak mempengaruhi budaya baharu. Budaya yang dimaksudkan merangkumi pemikiran dan cara hidup masyarakat. Revolusi Perancis telah menjadi kemuncak perkembangan falsafah liberalisme pada abad yang ke 18 sehingga wujudnya ramai tokoh-tokoh liberalisme yang berpengaruh di Eropah.

Antara tokoh liberalisme di barat antaranya selain yang telah disebutkan sebelum ini termasuk juga seperti Thomas Paine (1737-1809), Benjamin Costant (1767-1830), James Madison (1751-1836), Jeremy Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill (1806-1873) (Khalif Muammar, 2006). Dari kajian-kajian lepas berkenaan liberalisme, kebanyakan falsafah liberalisme dibincangkan bersama gerakan atau pemikiran yang lain. Falsafah liberalisme di Malaysia berkembang melalui gerakan Islam liberal. Antara idea yang dibawa masuk falsafah liberalisme seperti idea-idea sekularisme, kebebasan mutlak, rasionalisme, demokrasi liberal, feminisme, hermeneutik, dan pluralisme agama.

Antara idea utama falsafah liberalisme adalah rasionalisme. Rasionalisme boleh dikatakan sebagai asas kepada pemikiran liberalisme sehingga merasionalkan idea-idea yang baharu. Menurut Ahmad Sunawari Long (2006), rasionalisme adalah sikap atau pemikiran yang mempercayai, kepercayaan agama seharusnya ditolak jika agama didirikan tanpa asas rasional atau suatu komitmen yang kuat kepada ke taakulan dan menentang sebarang bentuk kepercayaan prejudis, cara hidup, ataupun apa juga pegangan yang dianggap tidak rasional.

Kedua adalah sekularisme. Menurut Muhammad Qutb (1983), sekularisme adalah sesuatu yang sifatnya terpisah. Oleh yang demikian, dalam aspek keagamaan, falsafah liberalisme melahirkan idea sekularisme yang memisahkan antara perkara duniawi dengan keagamaan. Ia telah meninggalkan peranan agama dan tuhan dalam segala aspek kehidupan manusia. Antara tokoh barat yang menekankan hal ini adalah Harvey Cox. Cox (1967) berpendapat bahawa sekularisasi adalah satu bentuk kebebasan dan keharusan dalam agama Kristian. Malah, menurut beliau penting bagi mempertahankan sekularisme. Ideologi ketiga adalah kebebasan mutlak.

Kebebasan mutlak pada peringkat awal juga banyak dipengaruhi oleh falsafah liberalisme. Kebebasan mutlak menurut pendukung liberalisme adalah sebuah kebebasan dalam segala aspek. Tidak ada perkara khusus yang tertentu. Antara ahli falsafah liberalisme yang terkenal adalah John Locke. Locke (1960) menulis berkenaan liberalisme dan mendakwa bahawa manusia memiliki kebebasan mutlak bagi melakukan apa sahaja yang dirasakan sesuai. Tiga asas pemikiran inilah yang kemudiannya mempengaruhi gerakan sosial di Malaysia yang dikenali sebagai gerakan Islam liberal. Islam liberal mendukung pemikiran-pemikiran seperti hermeneutik iaitu pentafsiran teks kitab mengikut rasional, feminisme yang memperjuangkan kesamarataan wanita, pluralisme agama yang menganggap semua agama adalah setaraf dan demokrasi liberal. Falsafah liberalisme turut dikaitkan dengan nasionalisme bagi membebaskan negara dari kekuasaan elit agama.

### **Perkembangan Falsafah Liberalisme di Malaysia**

Di Malaysia, pengaruh falsafah liberalisme ini telah mula tersebar dalam kelompok masyarakat Nusantara sejak zaman pra merdeka lagi. Sebelum berkembangnya falsafah liberalisme di Malaysia, masyarakat Islam di Malaysia dipengaruhi oleh amalan tradisi Islam di Malaysia yang turut dipanggil sebagai aliran tradisional. Aliran tradisional ini berpegang kepada amalan tradisi.

Liberalisme wujud untuk menentang kepercayaan dalam semua aspek termasuk perkara yang berkaitan dengan kepercayaan tradisi seperti aspek akidah, tauhid, ekonomi, sosial, dan gender. Falsafah liberalisme



berkembang dari tujuan asal yang lebih memfokuskan kepada gerakan politik.

Contoh pertama bentuk ancaman pemikiran liberalisme yang timbul dalam aspek perjuangan gerakan persamaan gender di Malaysia antaranya adalah melalui golongan yang menggelar kumpulan mereka sebagai feminis Islam. Kelompok feminisme merupakan sebuah kelompok yang memperjuangkan kesamaan gender dengan ingin memperjuangkan kesaksamaan yang diberikan oleh kaum lelaki turut diberikan kepada golongan wanita dalam segala aspek.

Gerakan feminisme ini juga sebenarnya adalah sebuah bentuk gerakan yang bermula di negara Barat. Walaubagaimanapun, pemikiran ini telah masuk di kalangan masyarakat Muslim termasuk di Malaysia. Pemikiran feminisme ini dianggap sebagai pemikiran yang terpengaruh dengan liberalisme dan dipengaruhi teori konflik kerana bentuk pemikiran mereka yang menentang norma masyarakat Muslim dan sering berhujah bahawa Islam telah menghadkan hak-hak wanita.

Kajian mengenai SIS sebagai satu ancaman dari falsafah liberalisme juga terdapat dalam kajian-kajian yang lain. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Munif Zainuddin et al. (2013) menyatakan bahawa gerakan feminisme di Malaysia seumpama *Sisters in Islam* (SIS) mempunyai potensi untuk membawa ancaman pemikiran kepada masyarakat Muslim di Malaysia.

Selain itu, satu kajian lain oleh Roslan Mohd Nor (2011) mendapati bahawa kelompok liberalisme ini menjadikan gender sebagai satu agenda sasaran dalam membawa pengaruh pemikiran liberalisme di Malaysia antaranya dengan mengadakan pelbagai program berkaitan yang dikatakan bahawa tujuannya untuk memperjuangkan kesaksamaan wanita dalam masyarakat. Tambah Roslan Mohd Nor lagi, menuntut hak kesaksamaan gender ini merupakan salah satu kesinambungan daripada pemikiran liberal yang menjadi ancaman pemikiran Islam di kalangan masyarakat Muslim di Malaysia.

Selain dari kelompok yang memperjuangkan kesaksamaan gender, kajian lain mengenai falsafah liberalisme pada masa kini adalah yang berkaitan

dengan modul kepimpinan. Kajian oleh pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pada masa itu mendapati bahawa telah wujud juga satu bentuk kumpulan yang dikatakan memasukkan unsur-unsur pemikiran liberalisme dalam modul latihan kepimpinan. Isu ini timbul apabila Mufti Wilayah Persekutuan pada masa itu, Wan Zahidi Wan Teh (2010) menyatakan bahawa organisasi *Emotion Spiritual Quotation* (ESQ) yang diasaskan oleh Ary Grinanjari Agustin menimbulkan keraguan melalui buku ESQ yang membincangkan mengenai latihan kepimpinan yang banyak membincangkan mengenai hal agama tetapi ditulis oleh pengarang yang tidak mempunyai latar belakang agama.

Hal ini dilihat sebagai salah satu cara yang halus dalam mempengaruhi masyarakat melalui falsafah liberalisme mereka. Hal ini kerana meskipun secara zahirnya buku mengenai soal kepimpinan, tetapi kandungannya banyak membincangkan mengenai agama yang menyebabkan buku ini tidak dipantau oleh pihak berkuasa agama. Perbincangan agama dalam buku tersebut pula menggunakan ayat Al-Quran dan Hadith dengan metode “kemerdekaan berfikir”, dan banyak mengambil pemikiran pemikir-pemikir barat yang tiada autoriti dalam membahaskan ayat-ayat Al-Quran dan Hadith. Hal ini adalah satu ancaman kepada masyarakat Muslim di Malaysia kerana kumpulan ini telah berkembang di Malaysia melalui pusat mereka di Selangor, Pulau Pinang, Johor, dan Kelantan.

Kajian oleh Azalina Tatar (2015) menyatakan bahawa tokoh-tokoh liberalisme di Malaysia majoritinya terdiri daripada kelompok intelektual yang memiliki taraf kelayakan akademik yang tinggi dan mereka yang berada dalam kategori kelas menengah dan profesional dan mempunyai kedudukan yang baik dalam kerjaya mereka seperti pengarah, pensyarah, peguam, eksekutif dan lain-lain. Tambah kajian Azalina Tatar lagi, tidak ada golongan bawahan yang secara langsung melibatkan diri dalam gerakan liberalisme.

Pendapat bahawa kumpulan liberalisme Islam ini banyak diperjuangkan oleh golongan menengah turut dikongsi oleh Farawahida Yusof dan Nor Raihan (2010) yang menyatakan bahawa kumpulan yang memperjuangkan liberalisme ini ditokohi oleh kalangan wanita elit dan profesional serta mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Dalam kajian-kajian mengenai ancaman liberalisme di Malaysia.

Dari kajian lepas, artikel ini mendapati bahawa majoriti individu yang menyebarkan falsafah liberalisme terdiri dari mereka yang terdiri dari golongan kelas menengah orang-orang profesional. Ini kerana banyak mereka yang terlibat dalam memperjuangkan falsafah liberalisme ini mempunyai tahap pendidikan yang baik serta jawatan yang stabil di dalam kerjaya. Hal ini menunjukkan bahawa kelompok ini fokus dalam memperjuangkan liberalisme di Malaysia terutamanya dengan menggunakan pengaruh mereka di dalam masyarakat untuk menyebarkan falsafah liberalisme di Malaysia. Walaubagaimanapun, artikel ini mendapati bahawa keadaan ini mula berubah kerana ada antara kelompok ini yang mula dipengaruhi oleh falsafah pascamodenisme.

### **Perbincangan**

Artikel ini berpendapat bahawa falsafah pascamodenisme di Malaysia tidak menonjol secara jelas seperti di Barat. Falsafah pascamodenisme dapat dilihat melalui falsafah penubuhan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sentiasa berselindung di bawah penekanan konsep 'kebebasan'.

Artikel ini mendapati bahawa kajian berkenaan pascamodenisme khususnya dalam bentuk falsafah pascamodenisme kurang dibincangkan. Hal ini kerana kelompok pendukung falsafah pascamodenisme di Malaysia tidak menonjolkan diri mereka dan tidak mendakwa diri mereka sebagai seorang penyokong falsafah pascamodenisme secara nyata ataupun mungkin mereka tidak menyedari bahawa mereka sudah dipengaruhi oleh falsafah pascamodenisme.

Hal ini berlaku oleh kerana kelompok Islam liberal di Malaysia menyedari akan kekangan dan penguatkuasaan yang kuat oleh autoriti agama di Malaysia, kumpulan gerakan liberalisme ini cuba membawa pengaruh mereka dengan cara yang lain seperti dengan menggunakan gerakan mereka atas nama lain contohnya atas nama hak asasi manusia. Ini dibuktikan melalui kumpulan Islam liberal dengan berselindung di sebalik organisasi. Malah, perkara ini tidak disedari oleh sebahagian masyarakat sehinggalah isu ini ditimbulkan oleh pihak-pihak yang berautoriti.

Meskipun secara fizikal Malaysia bebas dari falsafah liberalisme dan pascamodenisme secara jelas, tetapi realiti pada masa kini semakin banyak organisasi yang muncul dengan menggunakan pelbagai kaedah, organisasi, dan ada yang menggunakan nama Islam dalam menyebarkan falsafah liberalisme. Tambahan lagi, falsafah pascamodenisme yang wujud dan sedang berkembang boleh membawa ancaman yang lebih besar kepada masyarakat berbanding dengan falsafah liberalisme yang hanya memfokuskan kepada gerakan politik.

Artikel ini mendapati hasil dari sorotan kajian terdahulu, banyak kajian memfokuskan kepada falsafah liberalisme di Malaysia berbanding dengan falsafah pascamodenisme. Kajian lepas yang telah dibincangkan seperti kajian mengenai kumpulan seperti SIS yang merupakan salah satu cabang dalam pemikiran liberalisme dalam aspek gender kajian mengenai kumpulan ESQ, kajian mengenai institut pemikir seperti *Islamic Renaissance Front* (IRF), Jaringan Islam Liberal (JIL) dan seumpamanya. Walhal, masih ada banyak cabang dan aktor-aktor yang aktif dalam membawa falsafah pascamodenisme di Malaysia pada masa kini di dalam gerakan-gerakan yang telah dikaji.

Falsafah pascamodenisme adalah satu bentuk falsafah, teori, cara fikir yang baharu dalam masyarakat. Tidak ada definisi secara jelas mengenai pascamodenisme. Ahli akademik di Malaysia yang memfokuskan secara khusus pascamodenisme dari bidang falsafah seperti Kamarudin Said, Zakaria Stapa, Muhammad Uthman El-Muhammady melihat pascamodenisme sebagai satu skop yang luas dan tidak ada definisi yang spesifik untuk mendefinisikan pascamodenisme.

Pascamodenisme juga menurut pandangan mereka dikira sebagai sebuah kesinambungan daripada modenisme. Di barat, falsafah pascamodenisme telah mula lebih awal lagi sekitar tahun 1960an lagi. Malah ada dakwaan dari Barat bahawa falsafah pascamodenisme telah mula lebih awal sekitar tahun 1940an lagi. Kesemua teori-teori berkenaan tahun munculnya pascamodenisme adalah berkait dengan kemunculan pascamodenisme di Barat. Malah, para akademik di barat turut berhujah pada tahun berapa bermulanya era pascamodenisme. Ini kerana kekeliruan yang timbul pada tahun berapanya tamat zaman moden dan permulaan bagi zaman pascamodenisme. Tawfiq Yousef (2017) pula mengatakan

pascamodenisme ini bermula selepas perang dunia ke-2 tetapi dipopularkan pada tahun 1960an dan 1970an. Artikel ini akan memberikan beberapa definisi mengenai pascamodenisme berdasarkan pandangan beberapa definisi dari kajian-kajian lepas.

Artikel ini mengambil rujukan dari salah satu autoriti agama di Malaysia dalam mendefinisikan konsep pascamodenisme. Dalam penerbitan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), ia memberi pandangan bahawa asal usul pascamodenisme bermula dalam dunia seni bina. Kemudian konsep ini berkembang dalam aspek sastera. Pada tahun 1970-an pula budaya pascamodenisme berkembang di dalam falsafah dan ilmu-ilmu sains sosial (MAIS, 2015).

Tawfiq Yousef (2017) menjelaskan pascamodenisme percaya bahawa tiada kebenaran yang sebenarnya. Tambahan lagi, tidak hubungan antara yang lepas dan yang terkini, ia berpecah-pecah. Antara perbezaan antara modenisme dan pascamodenisme antaranya seperti modenisme dilihat percaya dengan pemikiran yang rasional berbanding pascamodenisme yang melihat bahawa pemikiran adalah tidak rasional. Kewujudan pascamodenisme juga sebagai reaksi terhadap modenisme yang dilihat kurang mencapai apa yang telah dijanjikan.

Menurut Zakaria Stapa (2014), definisi pascamodenisme adalah sesuatu yang kompleks. Ini kerana menurut beliau pascamodenisme ini boleh berubah-ubah mengikut keadaan, sukar di definisi dan hakikatnya tidak boleh didefinisikan kerana definisi secara khusus akan melanggar prinsip pascamodenisme itu sendiri. Pascamodenisme juga bermaksud tiada kebenaran yang mutlak. Walaubagaimanapun, beliau berpendapat bahawa individu atau kelompok yang dipengaruhi oleh falsafah pascamodenisme boleh diketahui berdasarkan beberapa ciri. Antara ciri-ciri pascamodenisme menurut Zakaria Stapa (2014) adalah seperti:

1. Fakta dan pembohongan boleh bertukar ganti kerana tiadanya kebenaran yang sebenar.
2. Kecewa atas kegagalan kumpulan modenis dalam mencapai dan memenuhi seperti yang telah dijanjikan seperti beroleh keamanan, kemajuan, ilmu pengetahuan serta kemajuan sains dan teknologi.

3. Konseptualisasi dan rasionalisasi sebagai suatu norma. Mereka yakin dengan pandangan sendiri dan tidak mesti berdasarkan fakta.
4. Komuniti global lebih penting daripada nasionalisme. Globalisasi adalah sebahagian dari idea pascamodenisme.
5. Merasakan bahawa semua agama adalah benar dan mendapat pengiktirafan yang sama. Ini turut menyumbang kepada wujudnya konsep pluralisme agama.
6. Moral adalah bersifat personal dan individualistik. Kelompok modenisme menanggapi moral sebagai kod etika sendiri dan tidak mesti bergantung kepada tradisi-tradisi yang lepas.
7. Menganggap autoriti tradisional sebagai palsu dan korup.
8. Etika liberal dengan kepentingan kelompok liberal seperti feminisme dan homoseksual.

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, kajian ini menyimpulkan bahawa falsafah pascamodenisme adalah sebuah falsafah hasil dari respons terhadap falsafah liberalisme moden. Pascamodenisme adalah kesinambungan daripada falsafah modenisme yang dilihat sebagai satu kegagalan oleh masyarakat barat. Falsafah ini telah timbul seawal 1940-an dalam berbagai bidang seperti seni bina, sastera, realiti, falsafah dan pemikiran sosial. Pascamodenisme dalam budaya intelektual dilihat berkembang sekitar tahun 1970-an dengan tokoh-tokoh dari Barat mengembangkan idea pascamodenisme seperti Jean-Francois Lyotard, Jacques Derrida, Jean Baudrillard, dan Michel Foucault. Idea-idea pascamodenisme ini kemudiannya berkembang ke serata dunia termasuk di dunia Melayu termasuk Malaysia. Falsafah pascamodenisme agak sukar untuk dijelaskan oleh kerana sifatnya yang tidak begitu jelas. Ini kerana sifat falsafah pascamodenisme sendiri yang berbentuk relatif. Kajian berkenaan falsafah pascamodenisme dilihat masih terhad khususnya dalam aspek Malaysia perlu diperbanyakkan bagi memberi pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat tentang falsafah pascamodenisme yang sedang berada di tengah masyarakat.

## Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sunawari Long. (2006). *Sejarah falsafah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azalina Tatar. (2015, March 9-10). *Fahaman Islam liberal dan hubungannya dengan golongan kelas menengah*. Paper presented at the 2nd International Conference on Arabic & Islamic Civilization ICTSIC, Kuala Lumpur.
- Cox, H. (1967). *The secular city: Secularization and urbanization in theological perspective*. Macmillan Company.
- Farawahida Mohd Yusof, & Nor Raihan Nordin. (2010). *Pandangan gerakan Islam liberal terhadap hak asasi wanita*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamaruddin M. Said. (2004). Mainan pascamoden di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 1, 179-218.
- Khalif Muammar. (2006). *Atas nama kebenaran: Tanggapan kritis terhadap wacana Islam Liberal*. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Locke, J. (1960). *The second treatise of government*. Cambridge University Press.
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2015). *Pasca modenisme dan kelangsungan Islam*. MAIS.
- Mohamad Kamil Ab Majid, et al. (2012). *Wasatiyyah Islam: Antara liberalisme & konservatisme di Malaysia*. Pekan Ilmu Publications.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Menangani cabaran umat Islam era moden. *Jurnal Al-Tamaddun*, 6, 111.
- Muhammad Qutb. (1983). *Madhib fikriyyah al-mu'asarah*. Dar As Syuruq.

- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2004). *Pascamodenisme: Satu pandangan awal*. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Munif Zainuddin, Suhanim Abdullah & Marzalina Mansor. (2013, January 4-5). *Religious liberalism in Sisters in Islam discourse: An analysis on identification*. Paper presented at the International Conference on Social Science Research, ICSSR, Penang.
- Ria Farhan. (2019). Understanding postmodernism: Philosophy and culture of postmodern. *International Journal of Social Sciences and Education*, 2(4), 22-31.
- Roff, W.R. (1967). *The origins of Malay nationalism*. University of Malaya Press.
- Scott, J., & Marshall, G. (2009). *Oxford dictionary of sociology* (3rd ed.). Oxford University Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Budaya yang tercabar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tawfiq Yousef. (2017). Modernism, postmodernism, and metamodernism: A critique. *International Journal of Language and Literature*, 5(1), 33-43.
- Viedrynaitis, R. (2013). *Postmodern philosophy: Didactical guidelines*. Vytautas Magnus University.
- Von Moses, L. (2015). *Liberalisme* (P. Fan, Ed.). Institut Kajian Dasar.
- Wan Adli Wan Ramli. (2014). Menangani cabaran liberalisme dalam kalangan Muslim berdasarkan konsep ijmak. *Jurnal Usuluddin*, 40, 27-49.
- Wan Zahidi Wan Teh. (2010). *Gerakan Islam liberal di Indonesia dan kaitannya dengan ESQ*. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.
- Zakaria Stapa. (2014). Revitalisasi proses peneguhan akidah dalam menghadapi cabaran pascamodenisme. *Ar-Raniry: International Journal of Islamic Studies*, 1(1), 7.